

27 SEP, 2024

Kutip hasil RM41.68b

Harian Metro, Malaysia



# Kutip hasil RM41.68b

**Kuala Lumpur:** Jumlah kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) setakat 31 Ogos lalu mencapai RM41.68 bilion.

Hasil itu lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun lalu, iaitu RM36.13 bilion, kata Ketua Pengarah Kastam Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin.

"Ini adalah pencapaian yang luar biasa dan ia menunjukkan JKDM berada di landasan yang tepat.

"Hasil daripada strategi yang kita buat kini membuahkan hasil," katanya dalam program Ruang Bicara terbitan Bernama TV, malam kelmarin.

Mengulas mengenai sasaran keseluruhan kutipan hasil tahun ini, beliau yakin JKDM mampu mencapai sasaran yang ditetapkan Kementerian Kewangan iaitu RM56 bilion.

Menurutnya, tahun lalu kastam berjaya mencatat kutipan hasil RM55.1 bilion, iaitu naik tiga peratus daripada kadar yang diunjurkan sebanyak RM53.5 bilion.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



27 SEP, 2024

# Kutip hasil RM41.68b

Harian Metro, Malaysia



## SUMMARIES

Kuala Lumpur: Ju m l a h kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) setakat 31 Ogos lalu mencapai RM41.68 bilion. Hasil itu lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun lalu, iaitu R M3 6 . 13 bilion, kata Ketua Pengarah Kastam Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin.“Ini adalah p en c a p a i a n yang luar biasa dan ia menunjukkan JKDM berada di landasan yang tepat.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.